



## PANDUAN PENDAFTARAN SYARIKAT (SISTEM iPEROLEHAN)

### 1. Syarat Pendaftaran

Syarat pendaftaran sebagai pembekal dan kontraktor perkhidmatan dan/atau kontraktor kerja di PPUM :

- 1.1 **Syarikat/Perniagaan yang diperbadankan di Malaysia.**
- 1.2 **Syarikat berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kementerian Kewangan Malaysia dan/atau CIDB.**

### 2. Cara Untuk Mendaftar Syarikat Sebagai Pembekal

- 2.1 Pendaftaran syarikat hanya boleh dilakukan di **Kaunter Jabatan Perolehan, Pusat Perubatan Universiti Malaya.**
- 2.2 Sijil-sijil yang dikemukakan hendaklah mempunyai tempoh **sahlaku** sekurang-kurangnya **empat (4) bulan** sebelum tarikh tamat tempoh.
- 2.3 **Melengkapkan** Borang Pendaftaran Syarikat (Sistem iPerolehan) dan kemukakan dokumen **TERKINI** yang disahkan **BENAR** (setiap helaian dokumen) oleh Pengarah Syarikat/Eksekutif Syarikat/Setiausaha Syarikat atau Pegawai Kerajaan Kelas A seperti berikut:
  - a) Salinan sijil perakuan pemerbadanan syarikat sendirian (SSM)
  - b) Kementerian Kewangan Malaysia (MoF):
    - i) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat
    - ii) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera
  - c) Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB):
    - i) Sijil Perakuan Pendaftaran (PPK)
    - ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)
  - d) Sijil Taraf Bumiputera Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)

### PERMOHONAN PENDAFTARAN AKAN DITOLAK JIKA DOKUMEN TIDAK DISAHKAN.

- 2.4 Bayaran Pendaftaran bagi permohonan baru adalah sebanyak **RM20.00**.
- 2.5 **Kaedah Pembayaran** pendaftaran syarikat dan pembelian dokumen sebut harga / tender adalah secara Kad Debit / Kad Kredit / eWallet / Wang Pos / Kiriman Wang / Bank Draft atas nama **PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA** dan tidak akan dikembalikan.

### 3. Tanggungjawab Syarikat

- 3.1 Mengemukakan data, maklumat dan dokumen sokongan benar.
- 3.2 Memalsukan atau memberikan maklumat atau dokumen yang meragukan, kegagalan mematuhi perkara di atas akan menyebabkan permohonan ditolak atau dalam kes dimana kelulusan telah diberikan, akan mengakibatkan pembatalan serta-merta. PPUM berhak mengambil tindakan sewajarnya kepada syarikat yang terlibat
- 3.3 Sekiranya terdapat keraguan atau pemalsuan maklumat/dokumen sokongan PPUM berhak untuk menolak atau membatalkan permohonan.
- 3.4 Memastikan bahawa **SEMUA** e-mel syarikat/perniagaan yang didaftarkan adalah sahih dan aktif kerana alamat e-mel rasmi akan digunakan bagi tujuan berikut:
  - a) Pemberian ID pengguna dan kata laluan.
  - b) Pemakluman untuk **LENGKAPKAN MAKLUMAT SYARIKAT** dalam tempoh **TIGA (3) HARI BEKERJA** bagi mengelakkan sebarang sekatan kepada akses sistem di laman <https://iperolehan.ummc.edu.my> dan memuat naik dokumen terkini seperti berikut :
    - i. Form 24
    - ii. Penyata Bank 3 Bulan Terkini
    - iii. Penyata KWSP
    - iv. Form 49
    - v. Laporan Kewangan Tahunan Terkini
    - vi. Sijil SSM
    - vii. Penyata PERKESO
    - viii. Agensi Berdaftar (contohnya sijil MoF/CIDB/PKK)
    - ix. Pengalaman
- 3.5 Pemakluman pelawaan sebut harga/tender.
- 3.6 Notifikasi Pesanan Pembelian.

### 4. Makluman Umum

- 4.1 **PPUM Tidak Mempunyai Obligasi Untuk Menawarkan Kontrak Kepada Mana-Mana Syarikat Yang Berdaftar Dengan PPUM.**
- 4.2 **Sebarang Perubahan Kepada Syarat-Syarat Pendaftaran Ini Adalah Hak Mutlak PPUM.**
- 4.3 **PPUM Berhak Untuk Membuat Semakan Lanjut Dan Menolak Permohonan Sekiranya Maklumat Yang Dikemukakan Bercanggah Dengan Maklumat/Rekod MOF, CIDB Atau PKK.**

### 5. Alamat dan Talian Untuk Dihubungi

- Alamat : Bahagian Dasar Pentadbiran dan Pemantauan Bekalan,  
Jabatan Perolehan,  
Pusat Perubatan Universiti Malaya,  
59100 Lembah Pantai,  
Kuala Lumpur.
- Emel : [iPerolehan@ummc.edu.my](mailto:iPerolehan@ummc.edu.my)
- Telefon : 03-79492010